

Bahagian A [30 markah]

Jawab semua soalan dalam bahagian ini. Anda dinasihati supaya menguntukkan masa selama 60 minit yang pertama bagi menjawab bahagian ini.

1. Yang manakah yang berikut merupakan alat yang digunakan dalam pelaksanaan dasar fiskal ?
 - A. Mengubah nisbah rizab berkanun
 - B. Mengawal bekalan wang dan kadar bunga
 - C. Mengubah perbelanjaan kerajaan dan cukai
 - D. Menetapkan harga maksimum dan harga minimum

2. Yang manakah daripada pembolehubah berikut merupakan petunjuk penting dalam menentukan prestasi ekonomi sesebuah negara.
 - A. Pertambahan import dari luar negara
 - B. Pertambahan pelaburan ke luar negara
 - C. Pertambahan jumlah tenaga buruh di sesebuah negara
 - D. Pertambahan jumlah keluaran yang dihasilkan dalam negara

3. Jadual di bawah menunjukkan Keluaran Negara Kasar (KNK) benar dan indeks harga pengguna (IHP) dari tahun 2005 hingga tahun 2006

<i>Butiran</i>	<i>2005</i>	<i>2006</i>
KNK benar (RM juta)	120	129
IHP	115	120

- Berapakah kadar pertumbuhan ekonomi pada tahun 2006 ?
- A. 3.02 %
 - B. 4.35 %
 - C. 7.50 %
 - D. 9.00 %
-
4. Yang manakah yang berikut tidak diambilkira dalam pengiraan pendapatan negara.
 - A. Pembelian kereta baharu
 - B. Penjualan semula bangunan yang dimiliki
 - C. Komisen yang diterima oleh pemegang saham
 - D. Pembayaran cukai pendapatan oleh pengusaha

5. Jadual di bawah menunjukkan data bagi sebuah ekonomi pada suatu tahun tertentu.

<i>Butiran</i>	<i>RMjuta</i>
Keluaran negara kasar pada harga pasar	85 000
Susut nilai	35 000
Penerimaan pendapatan faktor dari luar negara	25 000
Pembayaran pendapatan faktor ke luar negara	10 000
Subsidi	12 000
Cukai tak langsung	26 000

Keluaran negara bersih pada kos faktor dalam ekonomi ini ialah


- A. RM36 000 juta
 B. RM51 000 juta
 C. RM65 000 juta
 D. RM79 000 juta
6. Jadual di bawah menunjukkan data pendapatan negara bagi sebuah ekonomi.

<i>Butiran</i>	<i>RMjuta</i>
Penggunaan isi rumah	150
Susut nilai	5
Pelaburan	85
Eksport	20
Perbelanjaan kerajaan	65
Import	40
Pendapatan faktor bersih luar negeri	15
Subsidi	10
Cukai tak langsung	5

Antara yang berikut, yang manakah benar mengenai data di atas.

- A. Harga pasaran lebih besar daripada harga faktor
 B. Keluaran negara bersih lebih besar daripada keluaran negara kasar
 C. Keluaran negara kasar lebih besar daripada keluaran dalam negara kasar
 D. Keluaran negara bersih pada harga pasar lebih besar daripada keluaran negara kasar pada harga faktor
7. Data pendapatan negara dapat digunakan untuk tujuan yang berikut **kecuali**
- A. mengukur taraf hidup penduduk
 B. mengukur pertumbuhan ekonomi
 C. mengukur kadar pengangguran dalam ekonomi
 D. mengukur sumbangan pelbagai sektor ekonomi

8. Gambar rajah di bawah menunjukkan keseimbangan pendapatan negara dalam suatu ekonomi



Akibat daripada kenaikan perbelanjaan kerajaan , keluk perbelanjaan agregat bergerak dari AE0 ke AE1 menyebabkan tingkat pendapatan negara naik sebanyak 40 peratus . Berapakah nilai AB jika kecenderungan menabung sut ialah 0.2 ?

- A. 5 juta
 B. 10 juta
 C. 16 juta
 D. 64 juta
9. Data di bawah menunjukkan perbelanjaan penggunaan (C), pelaburan (I), perbelanjaan kerajaan (G) , cukai (T) dan Y_d ialah pendapatan bolehguna.

$$C = 1000 + 0.75 Y_d$$

$$T = 240$$

$$G = 600$$

$$I = 1200$$


Jika cukai dinaikkan kepada 400 , keseimbangan pendapatan negara akan berkurangan sebanyak

- A. RM 160
 B. RM 480
 C. RM1 000
 D. RM10 000
10. Dalam ekonomi tiga sektor, fungsi tabungan, $S = - 700 + 0.25Y_d$, pelaburan, $I = RM320$ juta , perbelanjaan kerajaan, $G = RM120$ juta dan cukai, $T = 0.2Y$. Berapakah nilai pengganda .
- A. 1.2
 B. 2.5
 C. 4.0
 D. 5.0

11. Berikut adalah maklumat tentang suatu ekonomi tiga sektor. Diberikan fungsi penggunaan, $C = 30 + 0.75 Y_d$, cukai, $T = 10$, pelaburan, $I = 25$ dan perbelanjaan kerajaan, $G = 32$.

Apakah fungsi bocoran (W) ekonomi tersebut ?


- A. $W = - 22.5 + 0.25 Y$
B. $W = - 32.5 + 0.25 Y$
C. $W = - 87.0 + 0.25 Y$
D. $W = - 87.5 + 0.25 Y$
12. Jika cukai naik dengan jumlah yang sama dengan jumlah perbelanjaan kerajaan dan pembolehubah lain diandaikan malar, hal ini akan menyebabkan
- A. hasil cukai akan naik
B. pendapatan negara naik
C. pendapatan negara turun
D. pendapatan negara tak berubah
13. Rajah di bawah menunjukkan permintaan agregat.



- Peralihan keluk permintaan agregat dari AD0 ke AD1 disebabkan oleh
- A. kenaikan dalam tingkat teknologi
B. kerajaan menaikkan kadar cukai pendapatan
C. kenaikan dalam harga faktor pengeluaran
D. bank pusat membeli bon dari orang ramai
14. Yang manakah aset yang paling menguntungkan bagi sebuah bank perdagangan?
- A. Wang tunai
B. Bil perbendaharaan
C. Pelaburan dan pinjaman
D. Pinjaman jangka pendek
15. Dalam sebuah ekonomi yang semakin berkembang, bentuk wang yang paling banyak terdapat dalam ekonomi tersebut ialah
- A. cek
B. kad kredit
C. wang kertas
D. deposit bank

16. Andaikan bahawa jumlah urusniaga ialah 500 unit, manakala halaju pusingan wang ialah 4. Jika penawaran wang bertambah daripada RM400 kepada RM500, berapakah tingkat harga baru berasaskan Teori Kuantiti Wang?
- RM3.20
 - RM4.00
 - RM5.00
 - RM5.50

17. Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran wang (M_s) dan keluk permintaan wang (M_d)



- Sekiranya bekalan wang bertambah, maka
- kadar bunga berkurang
 - kadar bunga tidak berubah
 - pendapatan negara meningkat
 - perbelanjaan agregat meningkat
18. Tujuan bank pusat membeli surat jaminan di pasaran terbuka ialah
- menambahkan penawaran wang dan menaikkan kadar bunga
 - mengurangkan penawaran wang dan menaikkan kadar bunga
 - menambahkan penawaran wang dan menurunkan kadar bunga
 - mengurangkan penawaran wang dan menurunkan kadar bunga
19. Andaikan simpanan permulaan di bank perdagangan ialah RM1000 dan nisbah rizab ialah 20 peratus. Berapakah jumlah pinjaman yang dapat diciptakan setelah melalui tiga peringkat proses penciptaan kredit berlaku?
- RM 512
 - RM1 952
 - RM4 000
 - RM5 000
20. Langkah yang paling sesuai untuk mengatasi pengangguran geseran ialah
- meningkatkan kadar bank
 - menjual surat jaminan kerajaan di pasaran
 - meningkatkan cukai dan menurunkan perbelanjaan kerajaan
 - menyebarkan maklumat pekerjaan dan meningkatkan keselesaan ditempat kerja

21. Akaun semasa dalam belanjawan negara merujuk kepada
- perbezaan di antara jumlah hasil cukai dengan hasil bukan cukai
 - perbezaan di antara jumlah hasil kerajaan dengan jumlah perbelanjaan kerajaan
 - perbezaan di antara jumlah hasil kerajaan dengan jumlah perbelanjaan mengurus
 - perbezaan di antara jumlah hasil kerajaan dengan jumlah perbelanjaan pembangunan
22. Yang berikut merupakan cukai tak langsung **kecuali**
- cukai jalan
 - cukai eksais
 - cukai import
 - cukai perkhidmatan
23. Dasar fiskal mengembang digunakan untuk mengatasi masalah
- pengangguran
 - lompong inflasi
 - inflasi tolakan kos
 - belanjawan lebihan
24. Jadual berikut menunjukkan belanjawan bagi negara Malaysia pada tahun 2007.

<i>Butiran</i>	<i>RMjuta</i>
Cukai langsung	95 794
Cukai tak langsung	25 678
Hasil bukan cukai	39 021
Perbelanjaan mengurus	112 986
Perbelanjaan pembangunan	44 510

- Belanjawan negara mengalami
- defisit sebanyak RM8 486 juta
 - defisit sebanyak RM36 024 juta
 - lebihan sebanyak RM2 997 juta
 - lebihan sebanyak RM47 507 juta
25. Yang manakah yang berikut **bukan** alasan perlunya perdagangan antarabangsa?
- Penggunaan matawang berbeza
 - Cira rasa penduduk yang berbeza
 - Kemahiran penduduk yang berbeza
 - Kualiti faktor pengeluaran yang berbeza

26. Jadual di bawah menunjukkan pengeluaran getah dan teh di Thailand dan Malaysia sebelum pengkhususan.

<i>Negara</i>	<i>Teh(Tan metrik)</i>	<i>Getah(Tan metrik)</i>
Thailand	1850	1350
Malaysia	1200	2750

Berdasarkan kepada prinsip faedah berbanding, berapakah pertambahan output selepas pengkhususan?

	Teh (Tan metrik)	Getah (Tan metrik)
A	650	1400
B	2400	5500
C	3050	4100
D	3700	2700

27. Jadual di bawah menunjukkan data imbalan pembayaran sebuah negara

<i>Butiran</i>	<i>RM juta</i>
Import	70.0
Eksport	80.5
Pengangkutan	-3.1
Perjalanan	1.2
Urus niaga kerajaan	-0.2
Perkhidmatan lain	-1.5
Pindahan semasa	0.1
Pendapatan pelaburan	-3.2
Pelaburan langsung	8.0
Kesilapan dan ketinggalan	-2.0

Berdasarkan kepada jadual di atas, nilai imbalan eksport bersih barangan dan perkhidmatan ialah

- A RM 3.8 juta
- B RM 6.9 juta
- C RM 9.8 juta
- D RM10.5 juta

28. Keluk permintaan Dolar Singapura beralih ke kanan disebabkan oleh
- A Kadar bunga di Malaysia telah meningkat
 - B Eksport Malaysia ke Singapura telah bertambah
 - C Import Malaysia dari Singapura telah bertambah
 - D Pelancong Singapura yang melawat Malaysia semakin ramai
29. Berikut merupakan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika (US\$) dan Dollar Australia (AU\$).

$$\text{US\$1} = \text{RM}2.50$$

$$\text{AU\$1} = \text{RM}4.80$$

Kadar pertukaran matawang US\$ dengan AU\$ ialah

- A $\text{US\$1} = \text{AU\$}0.52$
 - B $\text{US\$1} = \text{AU\$}1.25$
 - C $\text{US\$1} = \text{AU\$}1.92$
 - D $\text{US\$1} = \text{AU\$}2.30$
30. Yang manakah yang berikut merupakan langkah kerajaan bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia
- A meningkatkan taraf pendidikan
 - B pengagihan semula pendapatan masyarakat
 - C meningkatkan kadar cukai keuntungan syarikat
 - D menstruktur semula cukai pelaburan langsung asing (FDI)

Bahagian B [30 markah]

Jawab **lima** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya menguntukkan masa selama 50 minit bagi menjawab bahagian ini.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan *nilai ditambah* ? Dengan menggunakan contoh berangka, jelaskan bagaimana nilai ditambah dihitung. [6]
2. Jelaskan **tiga** faktor yang menimbulkan masalah penghitungan dalam pendapatan negara di sesebuah negara. [6]
3. Apakah yang dimaksudkan dengan *cukai sekali gus*. Dengan menggunakan kaedah suntikan dan bocoran, terangkan bagaimana kenaikan cukai sekali gus mempengaruhi keseimbangan pendapatan negara. [6]
4. a) Apakah dimaksudkan dengan *pengganda* [1]
b) Dengan contoh berangka , terangkan bagaimana proses pengganda berlaku dalam ekonomi dua sektor [5]
5. Huraikan fungsi bank pusat sebagai juru bank kepada kerajaan. [6]
6. Apakah yang dimaksudkan dengan *stagflasi*? Dengan bantuan gambar rajah permintaan agregat dan penawaran agregat (AD-AS), terangkan kesan stagflasi terhadap keseimbangan pendapatan negara . [6]
7. a) Apakah yang dimaksudkan dengan *kadar syarat perdagangan* ? [2]
b) Mengapakah kemerosotan dalam kadar syarat perdagangan menimbulkan kesan buruk terhadap imbangan dagangan? [4]
8. Huraikan bagaimana faktor berikut mempengaruhi pertumbuhan ekanomi.
 - a) Anugerah kekayaan alam [2]
 - b) Perkembangan teknologi [2]
 - c) Tabungan masyarakat dan pembentukan modal tetap [2]

Bahagian C [20 markah]

Jawab dua soalan sahaja. Anda dinasihati supaya menguntukkan masa selama 35 minit bagi menjawab bahagian ini.

9. a) Apakah yang dimaksudkan dengan *pendapatan persendirian* dan *pendapatan bolehguna* ? [2]
b) Dengan menggunakan contoh berangka , terangkan bagaimana pendapatan persendirian dan pendapatan bolehguna dihitung [8]
10. Dengan bantuan gambar rajah permintaan agregat dan penawaran agregat (AD-AS), jelaskan bagaimana perkara berikut mempengaruhi harga dan keseimbangan pendapatan negara.
a) Gaji kakitangan awam dinaikkan [5]
b) Kerajaan mengurangkan subsidi kepada firma [5]
11. a) Dengan menggunakan gambar rajah, jelaskan maksud *inflasi tolakan kos* [6]
b) Huraikan **dua** kesan inflasi terhadap ekonomi negara [4]
12. a) Dengan menggunakan gambar rajah, jelaskan maksud *terlebih nilai* ? [4]
b) Terangkan kesan terlebih nilai Ringgit Malaysia terhadap yang berikut:
i. Imbangan dagangan Malaysia
ii. Pelaburan asing di Malaysia
iii. Keluaran negara Malaysia. [6]

Bahagian D [20 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya menguntukkan masa selama 35 minit bagi menjawab bahagian ini.

13. Jadual di bawah menunjukkan jumlah sumbangan sektor-sektor ekonomi kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebuah negara dari tahun 2003 hingga tahun 2004 [dalam RM juta]

Sektor Ekonomi	2003	2004
Pertanian, perhutanan, perikanan	92.4	95.0
Perkilangan	88.0	135.0
Perdagangan, hotel, restoran	52.8	55.0
Perkhidmatan kerajaan	52.8	55.0
Pembinaan	22.0	15.0
Perlombongan dan kuari	44.0	50.0
Perkhidmatan lain	88.0	95.0
Keluaran Dalam Negeri Kasar	440.0	500.0

- a) Hitung kadar sumbangan sektor-sektor ekonomi di atas kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2004 [2]
- b) Sektor ekonomi yang manakah mengalami pertumbuhan paling pesat? Nyatakan dua faktor yang mempengaruhi pertumbuhan di atas. [3]
- c) Sektor ekonomi yang manakah yang digolongkan dalam sektor utama, sektor kedua, dan sektor ketiga ? [2]
- d) Hitung kadar pertumbuhan sektor utama, sektor kedua dan sektor ketiga dari tahun 2003 hingga tahun 2004. Terangkan arah alirannya. [3]
14. Yang berikut merupakan fungsi perbelanjaan agregat bagi sebuah ekonomi.
 $C = 500 + 0.75 Y_d$ di mana $Y_d = Y - T$
 $I = 800$
 $G = 400$
 $T = 200 + 0.2 Y$ { semua angka dalam RM juta }
- a) Apakah yang dimaksudkan dengan *keseimbangan pendapatan negara*? [1]
- b) Hitung nilai pengganda [1]
- c) Hitung keseimbangan pendapatan negara [2]
- d) Hitung jumlah nilai cukai pada tingkat keseimbangan pendapatan negara [1]
- e) Hitung belanjawan negara pada tingkat keseimbangan dan nyatakan jenis belanjawan [2]

- f) Jika keseimbangan pendapatan negara pada gunatenaga penuh ialah RM5000 juta, hitung
- lompong deflasi atau inflasi yang dihadapi oleh ekonomi tersebut [2]
 - berapakah perbelanjaan kerajaan diperlukan bagi mencapai gunatenaga penuh [1]
15. Jadual di bawah menunjukkan mata wang dalam edaran, deposit semasa dan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) sebuah Negara pada tahun 2005 hingga tahun 2009.

Tahun	Mata wang dalam edaran (RM juta)	Deposit semasa (RM juta)	KDNK (RM juta)
2005	23 272.9	56 964.7	219 959
2006	23 157.9	59 590.5	222 750
2007	24 897.9	66 286.4	232 522
2008	27 111.5	77 122.7	243 460
2009	29 627.1	86 662.6	258 898

- Apakah yang dimaksudkan dengan *bekalan wang M1* [2]
 - Hitung bekalan wang M1 dari tahun 2005 hingga tahun 2009 [2]
 - Hitung kadar pertumbuhan M1 dari tahun 2005 hingga tahun 2009 [2]
 - Hitung halaju peredaran wang dari tahun 2005 hingga tahun 2009 [2]
 - Berdasarkan jawapan di atas, adakah data tersebut selaras dengan Teori Kuantiti Wang? Jelaskan jawapan anda. [2]
16. Jadual di bawah menunjukkan data pertukaran asing antara Malaysia dengan Amerika Syarikat dan imbalan perdagangan antara Malaysia dan Amerika Syarikat dari tahun 2008 hingga 2011.

Tahun	Kadar pertukaran asing bagi US\$100.00	Imbalan perdagangan (RM juta)
2008	270.00	5300
2009	280.00	7900
2010	295.00	10500
2011	310.00	14800

- Apakah yang dimaksudkan dengan *kadar tukaran asing dan imbalan perdagangan*? [2]
- Hitung kadar pertukaran bagi RM1.00 dalam sebutan US\$ bagi tahun 2008 hingga tahun 2011? [2]
- Huraikan arah aliran perubahan nilai RM berbanding US\$ bagi tahun 2008 hingga tahun 2011? [2]
- Huraikan kesan perubahan kadar pertukaran asing di atas ke atas imbalan perdagangan Malaysia [2]
- Nyatakan **dua** langkah kerajaan untuk memperbaiki imbalan perdagangan [2]